

SIRI PEMBANGUNAN MALAYSIA

**P**EMBANGUNAN  
**M**ANUSIA

NOURA SYIFA

**SABUNAI MEDIA SDN. BHD.**

(Co. No. 370672-M)  
C-5-6, Megan Phoenix,  
Jalan 2/142A, Jalan Cheras,  
56000 Kuala Lumpur.  
Tel/Fax : 03-9100 1369

©**SABUNAI MEDIA SDN. BHD.**

Cetakan Pertama ..... 2004

**AMARAN ATAS HAKCIPTA**

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam -Penerbitan

Noura Syifa

Pembangunan manusia / Noura Syifa.

(Siri pembangunan Malaysia)

ISBN 983-2612-34-9 (set)

ISBN 983-2612-39-X

1.Human capital--Malaysia. 2.Labor supply--Malaysia..

3.Malaysia-- Economic conditions. I. Judul. II. Siri.

331.1109595

Dicetak Oleh :

**Imejdsn Enterprise**

Kuala Lumpur..

26 AUG 2004

Perpustakaan Negara  
Malaysia

M  
1139206

M  
ISBN-1109595  
ND  
7

## **PRAKATA**

Wawasan 2020 adalah satu visi dalam merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju setanding dengan negara lain. Oleh itu kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai projek pembangunan sejajar dengan impian tersebut.

Pembangunan yang dibuat bukan menjurus kepada aspek fizikal, tetapi menyeluruh. Ini adalah untuk memastikan Malaysia maju dari segi pembangunan pendidikan, prasarana, pelancongan, komoditi manusia dan sebagainya.

Dalam siri Pembangunan Malaysia ini mengupas segala aspek yang mencukupi perancangan, pelaksanaan, sokongan dalam meniti kecemerlangan. Oleh itu siri Pembangunan Malaysia dapat dijadikan panduan kepada para pelajar dan pembaca supaya dijadikan pedoman ke arah kecemerlangan yang gemilang.

**PENERBIT**

## KANDUNGAN

Pengenalan	1
Pertumbuhan Penduduk	2
Asas Pembentukan Masyarakat	12
Pembentukan Keluarga Bahagia	18
Pembangunan Masyarakat Berbilang Kaum	33
Pembangunan Aspek Kesihatan	44
Pembangunan Alam Sekitar	48
Pembangunan Sektor Ekonomi	60
Penutup	64

## Pengenalan

Pembangunan yang dicapai oleh Malaysia sepanjang penitisan menjadi negara maju menjelang tahun 2020, tidak hanya merangkumi aspek fizikal negara sahaja, tetapi lebih menyeluruh. Pembangunan manusia juga diambilkira bagi memastikan pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Penghasilan lebih ramai rakyat yang mempunyai ciri-ciri kesempurnaan bukanlah satu perkara mudah. Pelbagai pembangunan dibuat untuk memastikan visi ini berjaya.

Pembangunan kemanusiaan yang disarankan kerajaan bertitik-tolak daripada peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Ibu bapalah yang mencorakkan anak dengan warna-warna yang disukainya.

Kemudian anak-anak ini akan mendapat didikan formal di sekolah. Perubahan harus di lakukan dalam kurikulum sekolah sejajar dengan penghasilan pelajar yang berkualiti.

Setelah itu barulah pelbagai program yang berteraskan pembangunan manusia dibuat supaya dapat dijadikan panduan rakyat menjadi insan yang berguna. Program-program bina semangat atau sebagainya boleh membentuk keperibadian

yang tinggi di kalangan pelajar khususnya golongan remaja.

Setelah itu barulah pelajar didedahkan dengan dunia pekerjaan yang lazimnya seiring dengan minat mereka. penubuhan pelbagai institusi pendidikan menjadi wacana bagi mereka yang ingin meraih kepakaran dalam bidang yang diminati.

Pelbagai kemudahan yang kelengkapan juga harus disediakan kerajaan bagi memudahkan rakyat Malaysia hidup dengan selesa. Ini merangkumi prasarana, kemudahan pendidikan, pembinaan rumah yang mampu dibeli oleh semua golongan, penyatuan semua kaum dan sebagainya. Langkah-langkah ini wajar supaya pembentukan rakyat dapat dihasilkan daripada acuan sendiri.

Semanginya kemajuan rakyat ini menjadi asas kemajuan negara. Rakyat yang mempunyai kehidupan selesa, mempunyai pendidikan yang tinggi dan hidup dalam keadaan aman-damai mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju. Oleh itulah pelaburan banyak dibuat di peringkat akar umbi agar menjadikan rakyat Malaysia sebagai warga dinamik, setanding dengan rakyat lain. Bahkan rakyat Malaysia lebih berilmu kerana merangkumi pelbagai aspek keperibadian disamping kemajuan yang ingin dicapai.